

PANTUN UNTUK UCAPAN
PADA 16. 1. 1990

1. Assalamualaikum, salam sejahtera,
Permulaan kata ucapan saya,
Bersyukur kepada Yang Maha Kuasa,
Kerana dapat lagi kita berjumpa.

2. Majlis ini majlis istimewa,
Penyampaian sijil kepada yang berusaha,
Penghargaan tinggi dan terima kasih jua,
Itulah pesanan daripada kerajaan kita.

3. Masih lagi saya menerima,
Suratan pujian bagi Malaysia,
Isteri ingin membawa keluarga,
Bercuti panjang di negara kita.

4. Isteri Presiden Republik Zimbabwe,
Tidak datang kerana urusan,
Tahun depan CHOGM di Harare,
Suratnya datang mengirim jemputan,

5. Isteri kepada Setiausaha Agung,
Bunmi Aiyaoku meminta panduan,
Agar isteri-isteri dapat menolong,
Beliau dalam segala urusan.

6. Rumah dah siap pahat tak berbunyi,
Seloka Dato Zakiah Hanum,
Bagaimana orang tak iri hati,
Nama Malaysia kian bertambah harum.

7. Oleh itu wahai saudari,
Bertungkus-lumus anda telah bertugas,
Teruskanlah dalam sanubari,
Watak yang mulia dan sikap cergas.

8. Bekerja kuat semenjak 1988,
Menyedia rancangan begitu teratur,
Terus masuk ke tahun hadapan,
Masa, tenaga semua dilabur.

9. Banyak usikan, sindiran dilempar,
Mengenai keghairahan saudari-saudara,
Tetapi kerana anda bersabar,
Semua hajat dapat sempurna.

10. Namamu baik, negara bangga,
Siapa tak ingin, wanita cekap,
Anak tinggal suami merana,
Terlalu komited, pada arahan tetap,

11. Tetapi sekarang semua selesai,
Namamu disebut merata dunia,
Itulah harapanku bagimu wahai,
Wanita negaraku Malaysia tercinta.

12. Dua tiga kucing berlari,
Mana nak sama si kucing belang,
Dalam ratusan permohonan yang mari,
Andalah terpilih mendapat peluang.

13. Satu hasil amat ketara,
Daripada persediaan untuk CHOGM,
Betapa erat kerjasama antara semua,
Dan perpaduan, yang mengkagumkan.

14. Jadi, suka saya menyarankan,
Saudari tubuhkan satu kumpulan,
Tenaga P.Os, S.L.Os dan rakan-rakan,
Mudah dapat digemblingkan.

15. Sebagai anggota profesional,
Pengetahuan, pengalaman boleh diberi,
Sebagai kumpulan mudah terkenal,
Dengan kewibawaan, kecekapan & prestasi.

16. Sijil sahaja dapat ku beri,
Bagai tanda penghargaan,
Kebolehanmu dikenal pasti,
Syabas dan tahniah ku ucapkan.

17. Kepada Pengerusi dan Urusetia,
JKK Program Isteri-isteri,
Dan juga semua JK Kerja,
Syabas, terima kasih ku beri.

18. Sekali lagi saya bersyukur,
Kerana dapat bersama-sama
Sebelum saya mohon undur,
Terimalah salam dan kasih mesra.

Terima kasih.

